

23 JAN 2003

Mahathir-WEF/I

MAHATHIR TIBA DI SWITZERLAND UNTUK HADIRI FORUM EKONOMI DUNIA

Oleh: Azman Ujang

DAVOS (Switzerland), 23 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Zurich di sini pada Khamis bagi menghadiri Forum Ekonomi Dunia ke-33 yang berlangsung dalam suasana muram berikutan kemungkinan perang di Iraq.

Dr Mahathir kemudiannya menaiki kereta api selama tiga jam dari Zurich dan dari stesen kereta api itu, beliau berjalan kaki selama lima minit dalam cuaca bersalji ke Hotel Arabella Sheraton, tempat penginapan Perdana Menteri sepanjang tiga hari di sini.

Perdana Menteri sebelum ini berada di Kaherah untuk lawatan dua hari ke Mesir dan dua hari lagi di Lubnan.

Seramai 2,000 ahli perniagaan dan pemimpin kerajaan berada di sini untuk menghadiri forum bertemakan "Membina Amanah", kerana sejak mesyuarat lepas, keyakinan mengenai aspek keselamatan di kalangan orang awam dan ahli korporat terjejas setelah beberapa institusi kukuh mengalami bencana dan skandal.

Dr Mahathir yang kerap menghadiri forum di Davos, dijadual menghadiri empat sesi iaitu "Amanah dan Urus Tadbir Pada Era Baru", "Bagaimana Peperangan Menentang Keganasan Akan Mengubah Dunia", Politik Islam dan Perasaan Tidak Puas Hati," dan Implikasi Ekonomi dan Geopolitik Dalam Memerangi Keganasan antarabangsa.

Aspek keselamatan pada forum ini agak ketat dengan wartawan Malaysia yang membuat liputan Perdana Menteri, tidak dibenarkan masuk pada kebanyakan sesi.

Mesyuarat itu akan memberi tumpuan kepada enam isu - perniagaan, pembangunan, ekonomi, kepimpinan, keselamatan dan nilai.

Ia juga akan mengeksploitasi isu-isu trend merentas pelbagai bidang, daripada sains dan teknologi, kepada seni dan kemanusiaan.

Selain menghadiri dan berucap pada sebahagian sesi, Perdana Menteri juga akan mengadakan mesyuarat sampingan dengan Presiden Kazakhstan, A. Nazarbayev, Perdana Menteri Mongolia, Nambar Enkhbayar dan Perdana Menteri Ukraine, Victor F. Yanukovych.

Pemimpin lain yang berada di sini ialah Raja Abdullah dari Jordan, bekas presiden Amerika Syarikat Bill Clinton, Setiausaha Negara Amerika Colin Powell dan Peguam Negara Amerika Syarikat John Ashcroft yang akan mempengerusikan sesi mengenai "Bagaimana Peperangan Menentang Keganasan Akan Mengubah Dunia, dengan Dr Mahathir menjadi anggota panel.

Malaysia turut diwakili Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Tan Sri Hassan Merican, Pengerusi Bank Simpanan Nasional Datuk Azim Zabidi, Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia G. Rajasekaran, penolong editor kumpulan New Straits Times Hardev Kaur, pensyarah ekonomi Universiti Malaya Dr Jomo K Sundram, ketua pergerakan Putri Umno Azalina Othman Said dan kartunis Reggie Lee.

Aspek keselamatan pada forum ini agak ketat dengan wartawan Malaysia yang membuat liputan Perdana Menteri, tidak dibenarkan masuk pada kebanyakan sesi.

Mesyuarat itu akan memberi tumpuan kepada enam isu - perniagaan, pembangunan, ekonomi, kepimpinan, keselamatan dan nilai.

Ia juga akan mengeksploitasi isu-isu trend merentas pelbagai bidang, daripada sains dan teknologi, kepada seni dan kemanusiaan.

Selain menghadiri dan berucap pada sebahagian sesi, Perdana Menteri

juga akan mengadakan mesyuarat sampingan dengan Presiden Kazakhstan, A. Nazarbayev, Perdana Menteri Mongolia, Nambar Enkhbayar dan Perdana Menteri Ukraine, Victor F. Yanukovych.

Pemimpin lain yang berada di sini ialah Raja Abdullah dari Jordan, bekas presiden Amerika Syarikat Bill Clinton, Setiausaha Negara Amerika Colin Powell dan Peguam Negara Amerika Syarikat John Aschroft yang akan mempengerusikan sesi mengenai "Bagaimana Peperangan Menentang Keganasan Akan Mengubah Dunia, dengan Dr Mahathir menjadi anggota panel.

Malaysia turut diwakili Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Tan Sri Hassan Merican, Pengerusi Bank Simpanan Nasional Datuk Azim Zabidi, Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia G. Rajasekaran, penolong editor kumpulan New Straits Times Hardev Kaur, pensyarah ekonomi Universiti Malaya Dr Jomo K Sundram, ketua pergerakan Putri Umno Azalina Othman Said dan kartunis Reggie Lee.

-- BERNAMA

AU HS LAT